

BAHANG Pilihan Raya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) masih lagi terasa di kalangan warga Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Pilihan raya yang berlangsung seawal pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang pada 21 Januari lalu berjalan dengan teratur dan aman.

Sebanyak 24 kerusi dipertandingkan pada tahun ini membabitkan 39 calon dengan 24 calon bertanding merebut 16 kerusi Kawasan Fakulti dan 15 orang lagi merebut lapan kerusi Kawasan Umum.

Seramai 4,360 pelajar keluar mengundi pada tahun ini menjadikan peratus kehadiran sebanyak 91.06%. Dua fakulti menang tanpa bertanding iaitu Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) dan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK).

Pelajar tahun tiga Fakulti Ekonomi dan Muamalat, **Muhammad Hilmi Juhari**, meraih undian tertinggi untuk Kawasan Umum.

Beliau yang merupakan penuntut jurusan perakaunan melahirkan rasa syukur kepada Allah atas kejayaan tersebut.

“Saya berharap agar USIM lebih menyerlah dan menonjol pada masa hadapan dan menjadi pesaing kepada universiti-universiti yang lain serta menjadi rujukan dan tauladan kepada masyarakat umum,” katanya.

Dalam perkembangan sama, Fakulti Pergigian (Fpg) dianugerahkan sijil penghargaan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 100% pelajar keluar mengundi

Pilihan Raya MPP USIM berjalan lancar



BARISAN Kepimpinan baru Majlis Perwakilan Pelajar USIM bergambar kenangan bersama Dr. Muhamad Muda (lapan dari kiri) selepas selesai pilihan raya kampus tersebut, baru-baru ini.

oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM.

Seperti tahun sebelumnya, USIM terus melaksanakan pemilihan MPP secara on-line melalui sistem e-UNDI. Sistem ini telah digunapakai sejak tahun 2006.

Ya merupakan satu sistem yang telah diuji dan terbukti selamat dan boleh

diyakini. Sistem ini dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang utuh.

Penggunaan Sistem e-UNDI USIM ini juga telah terbukti mampu mempercepatkan urusan penjumlahan undi dan boleh mendapat keputusan dengan lebih cepat.

Keputusan undian diumumkan oleh

Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr. Muhamad Muda.

Beliau berharap mereka yang dipilih akan melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah dan berupaya membawa ummah dan negara ke tahap kemajuan yang tinggi, sehingga dihormati dan dipandang mulia.